



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

**MENANGANI PERBEZAAN PENDAPAT MENGIKUT
PANDANGAN ISLAM**

Tarikh Dibaca :

26 MAC 2021M / 12 SYA'BAN 1442H

Disediakan oleh :

**Bahagian Rujukan Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Pahang**



MENANGANI PERBEZAAN PENDAPAT MENGIKUT PANDANGAN ISLAM

26 Mac 2021/12 Syaaban 1442H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوْصِنِّيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Agama Islam meraikan perbezaan pendapat, sebaliknya kita ditegah daripada bersengketa atau berpecah belah. Ini kerana Allah Subhanahu wa Taala telah berfirman dalam Surah Ali Imran ayat 103:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَأَعْصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرُّوْا

Yang bermaksud: “*Dan berpeganglah kamu semua kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu berpecah-belah...*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Janganlah diperbesar-besarkan perpecahan dalam perkara furuk seperti membaca surah Yasin pada malam Jumaat, zikir beramai-ramai selepas solat, solat sunat sebelum Jumaat, bacaan Qunut, talkin, bertahlil, menziarahi kubur dan lain-lain. Amalan-amalan tersebut adalah perkara khilaf yang sebahagian ulamak berpandangan ia adalah sunat diamalkan dan bukan bid’ah yang menyesatkan.

Janganlah melampau dalam berbeza pandangan sehingga mengatakan amalan orang lain hanya sia-sia sahaja yang tidak diterima oleh Allah Subhanahu wa Taala hinggakan sanggup mengkafirkan orang lain yang tidak sependapat dengannya. Setiap amalan yang disebutkan tadi mempunyai dalil yang kuat untuk diamalkan dan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Oleh itu, mana-mana individu yang mempertikaikan amalan tersebut yang telah difatwakan boleh diamalkan di negeri ini, mereka ini telah melakukan satu kesalahan dan boleh didakwa.



Imam Hassan al-Banna pernah menyebut: “*Kami bekerjasama dalam hal-hal yang kami sepakati, tetapi kami berlapang dada dalam hal yang diperselisih.*”

Dalam mencari kebenaran, janganlah ada sifat sompong dalam diri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

الْكَبِيرُ بَطَرُ الْحَقِّ وَغَمْطُ النَّاسِ

Yang bermaksud: “*Sombong itu menolak kebenaran dan memperlekehkan orang lain.*”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَنَّا أَطْبَعُوا اللَّهَ وَأَطْبَعُوا الرَّسُولَ وَأَوْلَى الْأَمْرِ مِنْ كُمْ فَإِنَّ نَنْزَعُنَّمُ فِي
شَيْءٍ فَرَدُّهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ
وَأَحَسَنُ تَأْوِيلًا

۵۹

Yang bermaksud: “\Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri antara kamu. Kemudian jika kamu berselisih pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah



(*Al-Quran*) dan *Rasul* (*Sunnahnya*), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.